

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Kuala Lumpur dan Johor Baharu bandar kembar Istanbul

ISTANBUL, Ahad — Hubungan Malaysia-Turki akan diperkukuhkan lagi berikutan Perisytiharan Kuala Lumpur-Ankara dan Johor Baharu-Istanbul sebagai bandar-bandar kembar.

Perisytiharan kedua-dua bandar kembar itu terkandung dalam satu pernyataan bersama yang dikeluarkan di akhir lawatan rasmi lima hari Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, ke Turki hari ini.

Perdana Menteri yang sedang dalam lawatan rasmi sembilan hari ke Yugoslavia, Turki dan Romania berlepas ke Bucharest bagi memulakan lawatan ke Romania.

Sumber-sumber rasmi berkata penubuhan bandar-bandar kembar telah dipersetujui oleh Menteri Besar Johor dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Butir-butir lanjut tentang rangka kerjasama yang akan dijalankan antara kedua-dua bandar Malaysia dengan bandar-bandar Turki itu akan dirumuskan kemudian.

Kuala Lumpur dan Ankara adalah pusat-pusat pentadbiran kedua-dua negara sementara Johor Baharu ialah sebuah bandar Malaysia yang mempunyai hubungan sejarah dengan Turki dan pada suatu masa dahulu Johor mempunyai penasihat-penasihat Turki.

Perisytiharan kedua-dua bandar kembar itu dianggap oleh para pegawai di sini sebagai keinginan kedua-dua negara untuk mengeratkan lagi hubungan baik antara kedua-dua negara Islam yang mempunyai pandangan sama mengenai isu-isu antarabangsa.

## Berterusan

Datuk Seri Dr Mahathir dan rakan sejawatnya di Turki, Encik Bulend Ulusu, menyatakan rasa puas hati terhadap kemajuan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin itu bersejatu meningkatkan dan mempelbagaikan pertukaran perdagangan dan kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara, terutamanya dalam

bidang usahasama, kontrak dan perkapalan.

Mereka menekankan pentingnya peranan sektor swasta dalam menggalakkan pertukaran perdagangan dan ekonomi. Mereka bersejatu untuk menggalakkan hubungan terus antara masyarakat perniagaan di negara masing-masing.

Pernyataan itu juga menyebut bahawa kedua-dua negara mengulangi sokongan berterusan terhadap Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) sebagai wakil sah tunggal rakyat Palestin dan perinya la turut serta dalam semua usaha damai.

Kedua-dua pemimpin itu mengesahkan perakuan yang diterima di Persidangan Rantau Asia Mengenai Soal Palestin di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Mereka juga menekankan tentang perlunya semua negara mengembengkan setiap usaha untuk menjamin kejayaan perancangan antarabangsa mengenai soal Kampeuchea yang akan berlangsung di Paris, Ogos ini.

Kedua-dua pemimpin itu juga melahirkan kebimbangan terhadap masalah Kampeuchea yang masih belum diselesaikan.

Perdana Menteri Turki memuji Malaysia dan Asean kerana usaha-usahanya untuk mewujudkan keamanan di Kampeuchea dan memupuk kestabilan dan kemakmuran di Asia Tenggara dan ke arah malimat muktamad mewujudkan kawasan aman, bebas dan berkecuali bagi rantau ini.

Pernyataan itu menambah, kedua-dua pihak mengutuk tindakan-tindakan penggananaan tidak kira pucunya dan bersejatu perlunya diadakan kerjasama dua hala dan pelbagai hala yang berkesan untuk mengawal dan memerangi penggananaan. — Bernama.